

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95

APRIL 1995

RAG 361 - Teknologi Binaan 3

Masa : 3 jam


Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. (a) Apakah keperluan-keperluan yang harus dibekalkan di dalam merekabentuk rumah-rumah teres setingkat di kawasan perumahan yang tanahnya rata, sebelum anda membuat penyerahan untuk mendapatkan kelulusan bomba?
(b) Berikan ringkasan prosidur penyerahan pelan kepada bomba untuk semua projek.

(25 markah)

2.



- (a) Apakah yang anda akan lakukan untuk menyelamatkan bangunan tinggi daripada tumbang apabila didapati bahawa tanah yang kurang stabil akan mengancam kedudukan bangunan tinggi tersebut itu di dalam masa sehari dua lagi?
(b) Lakarkan secara terperinci satu bahagian yang anda faham tentang mengaliskan air atau kelembapan dari masuk ke bahagian dalaman bawah tanah.

(25 markah)

...2/-

3. Pilih struktur yang berpatutan sebagai garaj untuk tiga buah kapal terbang Jumbo Boeing 747. Berikan sebab mengapa anda memilih struktur itu dan bukan yang lain. Jawapan anda perlu dibantu dengan lakaran-lakaran terperinci dan hujah-hujah hendaklah membezakan daripada struktur rentang panjang yang tidak dipilih.

(25 markah)

4. Seorang wakil klien korporat mengarahkan perekabentuk siling supaya saluran-saluran sehala perkhidmatan di pejabat baru perlu kelihatan apabila ditoleh tegak ke atas tetapi tidak kelihatan apabila dipandang dari jauh. Sebagai seorang arkitek atau perekabentuk dalaman, anda dikehendaki menunjukkan kefahaman anda kepada klien itu dengan beberapa lakaran bernota;

- (a) Keseluruhan gambaran secara perspektif
- (b) Sambungan terperinci
- (c) Bagaimana kos ditentukan

(25 markah)

5. Pilih bahan-bahan binaan yang anda faham tentang pembinaannya dan tunjukkan perbezaan dan persamaan antara pelapisan dan dinding tirai. Jawapan anda hendaklah disokong dengan lakaran-lakaran.

(25 markah)

6. Apakah kriteria-kriteria yang perlu diambilkira untuk memilih kemas pada dinding luaran. Berikan nota-nota ringkas tentang kemas dinding luaran atas kategori berikut:

- (a) Cat
- (b) Jubin
- (c) Bata
- (d) Papan

(25 markah)

oooOOooo